

# **WAKAF KORPORAT JOHOR CORPORATION DAN SUMBANGANNYA DALAM MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SOSIAL ISLAM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN**

**Abd. Shakor bin Borham<sup>1</sup>, Siti Mashitoh binti Mahamood<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
*shakor@uthm.edu.my*

<sup>2</sup>Universiti Malaya  
*mas68@um.edu.my*

## **ABSTRACT**

*This paper will discuss the role of corporate waqf Johor Corporation (JCorp) and its contribution in fulfilling the Islamic social responsibility in Malaysia. As a government-owned corporations (GLCs), JCorp through its subsidiaries namely Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) is seen to have its own approach in contributing to society as a Islamic social responsibility in this country. Through waqf, JCorp not only managed to introduce a form of contemporary waqf, known as corporate waqf but was able to implement various welfare programs to the Muslim community through the profit dividend of units of donated exclusively. This study aims to review the extent to which the implementation of corporate waqf JCorp has contributed to the Muslim community as a socially responsible company in the country. To meet this goal, this study used two main research methods namely data collection methods and data analysis methods. The study found that in December 2010, totaling over RM3.6 million has been donated through implementation of waqf with three main programs as welfare and charity, human development, education and entrepreneurship capital, and special projects. The study concludes with several recommendations for improvements to strengthen the implementation of JCorp corporate waqf based on its great contribution to the Muslim community in Malaysia.*

**Keywords:** *approach waqf, waqf corporate, Islamic social responsibility, donations*

## **1. PENGENALAN**

Islam sentiasa menggalakkan umatnya melakukan amalan kebajikan sama ada dalam bentuk harta benda, fikiran, tenaga dan sebagainya. Salah satu daripada amalan kebajikan yang digalakkan dalam Islam adalah wakaf. Ia merupakan salah satu institusi terpenting yang mampu memberikan sumbangan besar terutama kepada pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Di samping itu, wakaf juga mampu mendidik jiwa seseorang Islam supaya melakukan pengorbanan dalam bentuk material kepada orang lain secara berkekalan (Che Zuina, 2005: 67) (Suwaid, 1994: 81) (Nik Mustafa, 1999: 5). Selain itu, wakaf juga akan menjadikan pemilikan sesuatu harta itu berpindah milik daripada milik persendirian kepada milik bersama (Abd. Shakor, 2003: 1).

Peranan wakaf adalah sama amalan sunat yang lain seperti infaq, sedekah jariah, hibah, hadiah dan sebagainya. Namun, apa yang membezakannya ialah mereka yang melakukan amalan ini akan memperolehi ganjaran pahala yang berkekalan dengan tiada had masa tertentu iaitu selama mana harta yang diwakafkan tersebut masih berguna dan bermanfaat kepada orang lain (Abd. Shakor, 2003: 2) (Siti Mashitoh, 2007: 61) (al-Qardhawi, 1980: 299).

Sumbangan wakaf dalam aspek pembangunan ekonomi umat Islam dapat dilihat melalui perolehan harta wakaf sebagai sumber modal dan hasil keuntungan daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan kepadanya seperti perniagaan dan pelaburan. Manakala dari aspek pembangunan sosial pula, wakaf mampu melahirkan modal insan yang bertanggungjawab dan penyayang terhadap ummah, memperteguhkan persaudaraan Islam dan menanam sikap menjadikan harta sebagai jambatan yang akan menyampaikan kepada keredhaan Allah S.W.T. sepertimana yang digalakkan oleh Islam (Che Zuina, 2005: 67) (Osman Sabran, 2002: 74). Justeru, harta wakaf perlu dibangun dan diuruskan dengan sempurna sama ada secara individu, masyarakat atau institusi wakaf supaya harta tersebut dapat memberi manfaat kepada penerimanya (Abd. Shakor, 2003: 2).

## **2. PENGERTIAN WAKAF**

Dari segi terminologi, istilah wakaf tidak dinyatakan secara langsung di dalam al-Quran atau al-hadith. Para ulama telah memberikan pelbagai definisi wakaf disebabkan ketiadaan pengertian yang khusus dalam al-Quran atau al-Hadith (Baharuddin Sayin, 2010: 5). Ia merupakan tafsiran para fuqaha dalam memberikan pengertian berkaitan makna sedekah jariah yang diertikan sebagai memberikan sesuatu harta semasa hidupnya dan penggunaannya kekal untuk selama-lamanya (Mohd. Zain, 1982: 28) (Ahmad Dahlani Salleh et al., 2006). Dari segi bahasa, wakaf berasal daripada perkataan arab iaitu *waqafa* yang bererti berhenti atau *al-habs* yang bererti menahan semata-mata atau *al-man'* yang bererti menegah (Ibn Manzur, 1990: 359) (al-Nawawi, 2005: 225) (al-Sarakhsyi, 1986: 27) (Mustafa al-Khin et al., 2009: 213). Ia merupakan perkataan terbitan *wukuf* atau *auquf* (al-Syarbini, 1958: 376) (al-Nawawi, t.t: 377). Selain itu, wakaf juga diertikan sebagai *habsun* (al-Syarbini, t.t: 81) (al-Ramli, 1993: 358) (Ibn Qudamah, 1347H: 185) atau *habasa* (Ibn Manzur, 1990: 359), *ahbasa* (Kamus Munjat fi al-Lughah wa al-A'lam, 1986: 1344) yang bererti tahan atau menahan sesuatu harta untuk mendapatkan manfaat (Abu Zuhrah, 2005: 43). Istilah ini banyak digunakan dalam kitab-kitab fiqh mazhab Maliki. Ia dinamakan *habsun* kerana hanya manfaatnya sahaja yang boleh dimiliki oleh individu

sedangkan hakmilik sebenar harta tersebut adalah Allah S.W.T. (Muhammad Farid Wajdi, 1971: 793) (al-Nawawi, 1996: 113).

Dari segi istilah, terdapat banyak pengertian berhubung dengan wakaf. Antaranya, wakaf bererti menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya dengan cara menyerahkan hakmiliknya kepada seorang pengguna yang harus dan wujud (Mustafa al-Khin et al., 2005: 999). Di dalam Kamus Dewan, wakaf diertikan sebagai sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma), sesuatu yang diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam (Dr. Teuku Iskandar, 2005: 154). Jumhur fuqaha memberikan takrif wakaf sebagai menahan suatu harta seseorang untuk dimanfaatkan orang lain dengan terputus hakmilik ke atas harta tersebut. Harta yang diwakafkan mestilah di dalam keadaan baik dan ditujukan untuk kebajikan semata-mata bagi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Harta yang diwakafkan akan tertahan sebagai hakmilik Allah S.W.T. (Dr. Teuku Iskandar, 2005: 154). Istilah wakaf menurut Mazhab Syafie diertikan sebagai menahan suatu harta seseorang yang bermanfaat bagi dimanfaatkan orang lain untuk perkara-perkara yang diharuskan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dan terputus hakmilik ke atas harta tersebut (al-Zuhayli, 1997: 154) (Mustafa al-Khin et al., 2009: 213) (al-Nawawi, 2005: 225).

Berdasarkan kepada takrif ini, jelas menunjukkan apabila berlakunya pewakafan status pemilikan ain (harta) oleh pewakaf akan terputus dan menjadi hakmilik Allah S.W.T. Manakala pemilikan manfaat pula akan dimiliki oleh orang ramai tanpa sesuatu tempoh masa yang tertentu. Justeru, ain (harta) yang diwakafkan tersebut tidak lagi menjadi hakmilik pewakaf dan terputuslah hubungan antara pewakaf dengan hartanya (Ibn Qudamah, 1347H: 190). Inilah hakikat wakaf dalam Islam di mana harta yang telah diwakafkan tidak boleh dijual, digadai, dihibah dan diwarisi oleh orang lain memandangkan status pemilikan ain (harta) oleh pewakaf telah terputus dan menjadi hakmilik Allah S.W.T. untuk selama-lamanya (al-Ramli, 1993: 358).

### 3. DALIL PENSYARIATAN WAKAF

Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Hadith yang menyatakan tentang pensyariatan untuk melakukan amalan ini walaupun istilah wakaf tidak dinyatakan secara langsung dalam al-Quran atau al-Hadith (Baharuddin Sayin, 2010: 2-3). Antaranya, firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkahkan itu dengan menyebut nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti perasaan penerima, mereka akan mendapat pahala di sisi tuhan mereka, tiada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak mereka bersedih hati".*

(al-Baqarah: 262)

Dan firmanNya lagi yang bermaksud:

*“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebijakan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.*  
(al-'Imran: 92).

Di samping itu, terdapat beberapa hadith Nabi s.a.w. yang menerangkan tentang amalan ini. Umpamanya hadith (al-Nawawi, 1994: 817) yang diriwayatkan daripada Muslim yang bermaksud:

*“Daripada Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w bersabda: Apabila mati seseorang anak adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat dan doa daripada akan-anak soleh yang mendoakannya”.*

(Hadith Riwayat Muslim).

Dalam sebuah hadith lain (al-Bukhari, t.t: 132), Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Hadith dari Ibn Umar r.a berkata: Umar r.a. telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu datang menemui Nabi s.a.w untuk meminta pandangan baginda dengan katanya: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah mendapat sebidang tanah di Khaibar; di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (sedangkan aku bercita-cita untuk mendampingkan diri kepada Allah). Apakah yang engkau perintahkan kepadaku?. Maka sabda Rasulullah s.a.w.: “Jika engkau hendak, tahanlah (wakafkan) tanah itu dan sedekahkan hasilnya”. Lalu Saidina Umar jadikan harta itu sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, diberi dan diwarisi. Tanah itu diwakafkan kepada fakir, miskin, kaum kerabat, memerdekaan hamba, sabillah, ibnu sabil dan tetamu dan orang-orang yang menguruskan harta (nazir) boleh mengambil sebahagian daripadanya tanpa menganggap tanah itu miliknya”.*

(Hadith Muttafaq Alaihi)

Berdasarkan kepada beberapa hadith di atas, para fuqaha berpendapat sedekah jariah yang dimaksudkan di dalam hadith tersebut ialah suatu harta yang mampu memberikan faedah yang berkesan bagi suatu tempoh masa yang tidak dihadkan (al-Syawkani, t.t: 24-29) (al-Nawawi, 2005: 226).

#### **4. JENIS-JENIS WAKAF**

Secara umumnya, wakaf terbahagi kepada dua iaitu wakaf *khairi* atau kebajikan dan wakaf *zurri* iaitu wakaf ahli atau keluarga (Muhammad Jawwad, 1964: 330) (Siti Mashitoh, 2001: 3). Wakaf *khairi* dibahagikan kepada dua kategori umum, iaitu wakaf kebajikan am dan wakaf kebajikan khas. Wakaf kebajikan am merupakan mana-mana bentuk harta wakaf yang dibuat untuk tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan penerimanya ataupun tujuan khusus yang tertentu. Pewakaf juga tidak menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan. Wakaf kebajikan khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan tertentu ataupun penerima tertentu. Contohnya pewakaf mewakafkan tanah untuk perkuburan atau mewakafkan tanah untuk orang miskin (Siti Mashitoh, 2007: 70-71) (Asmak, 2009: 138-139). Manakala wakaf *zurri* ialah wakaf yang ditujukan manfaatnya kepada ahli atau keluarga pewakaf seperti cucu dan sebagainya (Siti Mashitoh, 2007: 70-71). Namun, mengikut sebahagian ulama wakaf ini adalah bid'ah dan tidak bertepatan dengan syarak (Muhammad Jawwad, 1964: 334).

Selain itu, terdapat juga wakaf yang berkaitan iaitu wakaf *musytarak* dan wakaf *irsad*. Wakaf *musytarak* merupakan wakaf campuran antara wakaf *khairi* dan wakaf *zurri*. Wakaf *musytarak* bermaksud wakaf yang ditujukan sebahagian manfaatnya kepada ahli atau keluarga dan sebahagiannya untuk masyarakat umum. Contohnya, wakaf tanah pertanian di mana sebahagian dari hasilnya ditujukan untuk anak cucu sementara sebahagian lagi untuk tujuan umum (Mohamad Akram et al., 2006). Wakaf *musytarak* ini termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan saham wakaf (Manual Pengurusan Tanah Wakaf, 2006: 16). Manakala wakaf *irsad* ialah wakaf yang dilakukan oleh pihak pemerintah dengan mewakafkan harta-harta milik Baitulmal sama ada harta alih dan harta tak alih berdasarkan kepada kepentingan umum. Ini dapat dilihat seperti mengaplikasikan dana atau tanah milik Baitulmal kepada pembinaan masjid, surau, institusi pendidikan, hospital dan sebagainya (Mustafa al-Khin et al., 2009: 221) (Abu Zuhrah, 2005: 113) (Siti Mashitoh et al., 2007).

#### **5. BENTUK HARTA YANG BOLEH DIWAKAFKAN**

Terdapat dua bentuk harta yang harus diwakafkan iaitu harta tak alih dan harta alih. Harta tak alih adalah seperti tanah dan bangunan dan harta alih pula seperti wang tunai, saham dan sebagainya. Bagi harta tak alih, para ulama telah bersepakat ia adalah sah memandangkan ia memenuhi prinsip utama wakaf adalah harta yang kekal (al-Nawawi, t.t: 378) (Mustafa al-Khin et al., 2009: 221). Ini berdasarkan kepada amalan wakaf yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. dan para sahabat yang menjadikan harta kekal sebagai *mawquf* mereka (al-Syawkani, t.t: 129) (Siti Mashitoh, 2007: 70-71). Tambahan pula, terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa pada zaman tersebut tidak ada harta yang diwakafkan kecuali daripada tanah dan bangunan (al-Syawkani, t.t: 129) (Ibn Qudamah, 1972: 237). Namun, bagi harta alih pula, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama memandangkan ianya tidak kekal dan mudah rosak atau binasa. Mazhab Syafie berpandangan bahawa setiap harta yang boleh dijualbeli boleh diwakafkan selagaimana manfaat yang dinikmati oleh penerima dapat diperolehi secara kekal (Mustafa al-Khin et al., 2009: 222). Pandangan ini turut dipelopori oleh mazhab-mazhab lain seperti Hanbali dan Maliki (al-Nawawi, t.t: 380) (Ibn Qudamah, 1972: 191). Bagi Mazhab Hanafi pula, hanya harta alih yang melekat kepada harta tak alih secara kekal sahaja boleh diwakafkan

kerana ia akan turut sama menyumbang kepada tujuan yang diwakafkan. Dalam hal ini, Abu Yusuf berpendapat bahawa mewakafkan harta alih secara berasingan tidak sah kecuali jika membabitkan kuda dan peralatan perang memandangkan wujudnya bukti amalan wakaf seperti ini yang dinyatakan oleh hadith Nabi s.a.w. sendiri (al-Asqalani, 1993: 274) (Fakhruddin Hasan, 1987: 36) (al-Nawawi, 2005: 228).

## **6. BENTUK WAKAF KONTEMPORARI**

Terdapat beberapa jenis wakaf kontemporari dan bersifat semasa dalam pelaksanaan amalan tersebut (Md. Nurdin, 2006). Ia merupakan produk-produk baru sebagai tambahan kepada bentuk-bentuk wakaf tradisional yang sedia ada seperti wakaf tunai, wakaf saham, saham wakaf dan wakaf sukuk (Abu Bakar, 2007: 54-56). Wakaf tunai merupakan wakaf alternatif dengan mewakafkan sejumlah wang tunai atau wang dalam bentuk pelaburan di bank dan mewakafkan bahagian keuntungannya kepada umat Islam. Wakaf ini memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat memandangkan tidak semua orang mempunyai harta kekal seperti rumah, bangunan dan tanah untuk berwakaf (Abu Bakar, 2007: 54-56). Manakala wakaf saham pula dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungannya kepada seluruh masyarakat (Abu Bakar, 2007: 54-56). Saham wakaf pula merupakan satu skim pembelian saham-saham pada kadar harga tertentu dan seterusnya mewakafkan sijil saham tersebut. Saham yang telah dibeli akan *diistibdalkan* dengan harta kekal seperti tanah, bangunan atau projek-projek yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat Islam seluruhnya (Abu Bakar, 2007: 54-56). Dari aspek hukum, wakaf dalam bentuk saham ini adalah diharuskan oleh syarak memandangkan ia kerana selaras dengan prinsip dan konsep wakaf dalam Islam. Ini berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 pada 13-14 April 1982 di Kuala Lumpur (<http://muamalat.islam.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal>).

## **7. WAKAF KORPORAT JOHOR CORPORATION**

Wakaf korporat Johor Corporation (JCorp) merupakan salah satu bentuk wakaf kontemporari yang sedang berkembang di negara ini. Dari segi terminologi, wakaf korporat merupakan wakaf yang diadaptasi daripada wakaf saham dalam Islam di mana ia dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungannya kepada seluruh masyarakat. Ia juga boleh dikategorikan sebagai wakaf *musytarak* di mana sebahagian manfaatnya ditujukan kepada ahli atau keluarga dan sebahagiannya untuk masyarakat umum. Wakaf korporat JCorp boleh dikatakan aplikasi terkini amalan wakaf yang dibangunkan dengan mengambilkira ijтиhad dan pandangan yang pelbagai oleh mereka yang ahli dalam bidang ini (Baharuddin Sayin, 2010: 9).

Ia mula diperkenalkan oleh JCorp iaitu sebuah syarikat bisnes korporat milik kerajaan (GLC) sebagai memenuhi *Corporate Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam di negara ini dan dikendalikan sepenuhnya oleh anak syarikat kumpulannya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad yang ditubuhkan atas jaminan JCorp sendiri dan bertanggungjawab mengagihkan sumbangan

kepada masyarakat melalui pelaksanakan pelbagai program kebajikan hasil keuntungan dividen daripada unit-unit saham yang diwakafkan oleh JCorp (Utusan Malaysia, 11 Mac 2011). WANCorp juga berperanan sebagai *maukuf alaihi* ke atas saham-saham yang diwakafkan dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat JCorp (Laporan Tahunan Johor Corporation, 2008).

Langkah JCorp memperkenalkan wakaf korporat adalah suatu langkah yang terpuji lebih-lebih lagi ia dilakukan oleh sebuah syarikat bisnes korporat yang dimiliki oleh kerajaan negeri (Abd. Shakor, 2011) (Laporan Tahunan Johor Corporation, 2007). Wakaf ini dipercayai yang pertama dibangunkan oleh sebuah institusi bisnes korporat di dunia (Abd. Shakor, 2011) (Johor Corporation: Konsep Waqaf Korporat, 2008: 9) (Majalah Usahawan Sukses, bil. 59 Tahun 2009) (Majalah Milenia Muslim, September 2006). Ia dilakukan melalui pewakafan unit-unit saham yang dimiliki oleh syarikat kumpulan tersebut merangkumi saham-saham dalam syarikat yang tersenarai dan tidak tersenarai di Bursa Malaysia (Abd. Shakor, 2011). Selain daripada pewakafan melalui unit saham syarikat kumpulan, JCorp juga mewakafkan beberapa harta tanah seperti tapak Masjid An-Nur Plaza KOTARAYA Johor Bahru, Lot 85, 86 dan 87, Tingkat 3 Plaza KOTARAYA bersebelahan Masjid An-Nur Johor Bahru sebagai tapak Klinik Wakaf An-Nur (Nor Azeera Mohd Ariffin, 2010: 78-79) (Siti Mashitoh, 2007: 70-71) (Asmak, 2009: 138-139). Menurut Tan Sri Muhammad Ali Hashim, wakaf korporat yang diperkenalkan oleh JCorp mempunyai kaedah pengurusan wakafnya yang tersendiri (Nor Azeera Mohd Ariffin, 2010: 78-79). Kaedah pengurusan tersebut yang membezakan antara wakaf korporat JCorp dengan wakaf yang dikendalikan oleh institusi-institusi wakaf di negara ini. Tan Sri Muhammad Ali Hashim adalah Bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporatian (JCorp) dan pengasas kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Beliau merupakan Timbalan Presiden, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan Pengerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Antara jasa dan peranan beliau semasa menjawat jawatan Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporatian (JCorp) adalah memperkenalkan wakaf korporat JCorp melalui pewakafan unit saham syarikat dan mewujudkan rangkaian Hospital dan Klinik Wakaf An-Nur serta Pusat Dialisis An-Nur yang berasaskan kepada konsep wakaf. (Utusan Malaysia, 11 Mac 2011) ([http://www.businessjihad.com/?page\\_id=6](http://www.businessjihad.com/?page_id=6)).

Sejarah wakaf korporat JCorp ini berlaku pada 8 Julai 2005 melalui pewakafan sebanyak 225,000 unit saham yang bernilai RM260,568 (Nilai Aset Bersih) dalam Tiram Travel Sdn.Bhd. (TTSB) iaitu anak syarikat kumpulan JCorp yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia (Temubual bersama Tn. Hj. Mohd. Nazarudin, Eksekutif WANCorp pada 3 Mac 2009) (Laporan Tahunan Johor Corporation, 2009). Walau bagaimanapun, istilah wakaf korporat belum lagi digunakan secara meluas di kalangan masyarakat pada masa tersebut (Temubual bersama Tn. Hj. Mohd. Nazarudin, Eksekutif WANCorp pada 3 Mac 2009). Melihat kejayaan daripada pewakafan awal ini, pada 3 Ogos 2006 syarikat JCorp telah membuat pewakafan lagi dengan mewakafkan sejumlah unit saham dalam tiga anak syarikat kumpulan yang tersenarai di Bursa Malaysia (Temubual bersama Tn. Hj. Mohd. Nazarudin, Eksekutif WANCorp pada 3 Mac 2009) (Abd. Shakor, 2011) (Utusan Malaysia, 26 September 2009) (Berita Harian, 13 Januari 2009) (The Star, 15 July 2008) (Bernama, 16 Ogos 2007) (Majalah Usahawan Sukses, bil. 59 Tahun 2009). Jumlah keseluruhan nilai semasa unit saham daripada ketiga-tiga anak syarikat tersebut adalah RM200 juta (Nilai Aset Bersih). Ia terdiri daripada 12.35 juta unit saham bernilai RM142 juta (Nilai Aset Bersih) dalam Kulim (Malaysia) Berhad, 18.60 juta unit saham bernilai RM45 juta (Nilai Aset Bersih) dalam KPJ Healthcare Berhad dan 4.32 juta unit saham

bernilai RM13 juta (Nilai Aset Bersih) dalam Johor Land Berhad (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Sejak pewakafan tersebut, istilah wakaf korporat mula digunakan secara meluas memandangkan kedudukannya sebagai syarikat bisnes korporat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perwakafan. Istilah wakaf korporat juga seringkali digunakan oleh pihak JCorp sendiri terutama dalam siri kempen dan penerangan wakaf korporat sebagai salah satu aktiviti kebajikan syarikat tersebut dalam memenuhi *Corporate Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat. Pada 10 Oktober 2007, JCorp telah mewakafkan sejumlah 75,000 unit saham (bernilai RM7,500) dalam syarikat Capaian Aspirasi Sdn. Bhd. Manakala pada 20 Disember 2007, JCorp telah mewakafkan sejumlah 50,325,000 unit saham (bernilai RM50 juta) dalam syarikat TPM Management Sdn. Bhd. (Laporan Tahunan WANCorp, 2009).

Pada 4 Disember 2009, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) telah dimeterai di antara JCorp dengan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri ini. Perjanjian ini mula berkuatkuasa pada 11 Julai 2005 telah memberikan implikasi besar kepada masa depan JCorp sebagai badan korporat di negara ini di mana MAIJ telah bersetuju melantik WANCorp sebagai Nazir Khas yang berperanan menjalankan kuasa dan tugas menurut Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003. Perjanjian ini juga telah memberi kebenaran kepada JCorp untuk terus mewakafkan saham-saham syarikat miliknya mengikut kaedah wakaf korporat (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Secara tidak langsung, perjanjian ini telah memberikan suatu pengiktirafan undang-undang atau *legitimacy* kepada institusi wakaf korporat menerusi penubuhan WANCorp. Di samping itu, perjanjian ini sebagai suatu pengiktirafan kepada WANCorp untuk berkembang menjadi sebuah badan korporat bertaraf institusi wakaf yang pertama di Malaysia (Utusan Malaysia, 11 Mac 2011).

Pada 29 Jun 2009, WANCorp telah menggunakan kaedah *istibdal* unit saham Johor Land Berhad yang diwakafkan memandangkan syarikat tersebut telah dikeluarkan dari syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Penggantian ini dilakukan dengan unit saham dalam Al-'Aqar KPJ REIT iaitu sebuah lagi anak syarikat JCorp yang tersenarai di Bursa Malaysia. Jumlah saham Al-'Aqar KPJ REIT yang diwakafkan adalah sebanyak 12.62 juta unit bernilai RM13 juta di mana jumlah nilai saham yang diganti adalah sama dengan nilai saham Johor Land Berhad iaitu 4.32 juta unit saham bernilai RM13 juta yang diwakafkan sebelum ini (Temubual bersama Tn. Hj. Mohd. Nazarudin, Eksekutif WANCorp pada 27 Jun 2010). Sehingga Disember 2010, nilai keseluruhan aset bersih saham-saham yang diwakafkan telah meningkat kepada RM300.59 juta berbanding RM282.89 juta pada tahun 2009. Ini termasuklah nilai saham-saham dalam syarikat yang tersenarai dan tidak tersenarai di Bursa Malaysia (lihat jadual 1).

## **8. SUMBANGAN WAKAF KORPORAT JOHOR CORPORATION DALAM MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SOSIAL ISLAM DI MALAYSIA**

Secara umumnya, wakaf korporat JCorp telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam di negara ini. Sebagai pihak yang bertanggungjawab mengagihkan hasil keuntungan dividen daripada unit-unit saham tersebut, WANCorp akan mengagihkan berdasarkan hujjah wakaf di mana sebanyak 70% diserahkan kepada JCorp sebagai Pelaburan semula dan Pembangunan Insan, 25% kepada WANCorp untuk manfaat kebajikan am dan 5% diserahkan kepada MAIJ (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Sejak pewakafan dilakukan sehingga Disember 2010, jumlah manfaat kebajikan am yang telah diterima oleh WANCorp berjumlah RM3,673,219.70 (lihat jadual 2).

Melalui agihan manfaat kebajikan am, ia digunakan untuk membiayai tiga program utama yang merupakan program tanggungjawab sosial korporat iaitu kebajikan dan amal, pembangunan insan, modal pendidikan dan keusahawanan serta projek khas. Antaranya, mengendalikan perkhidmatan kesihatan di 13 buah rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Pusat Dialisis di 4 buah klinik dan sebuah hospital wakaf yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Bhd. Sejak penubuhannya sehingga Disember 2010 seramai 652,435 orang pesakit telah menerima rawatan di seluruh rangkaian KWAN dan hospital wakaf. Daripada jumlah tersebut, seramai 612,844 orang atau 93.9% merupakan pesakit Islam dan 39,591 orang atau 6.1% adalah pesakit bukan Islam sementara seramai 255 orang pesakit buah pinggang merupakan pesakit Islam telah menerima perkhidmatan hemodialisis dengan kapasiti mesin sebanyak 51 buah. Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur terdiri daripada Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang, Klinik Waqaf An-Nur Kotaraya, Klinik Waqaf An-Nur Batu Pahat, Klinik Waqaf An-Nur Senawang, Klinik Waqaf An-Nur Sungai Buloh, Selangor, Klinik Waqaf An-Nur Muar, Klinik Waqaf An-Nur Kluang, Klinik Waqaf An-Nur Ijok, Kuala Selangor, Klinik Waqaf An-Nur Kuching, Sarawak, Klinik Waqaf An-Nur Samariang, Sarawak, Klinik Waqaf An-Nur Bukit Indah, Ampang, Klinik Waqaf An-Nur Larkin Sentral dan Klinik Waqaf An-Nur Manjoi, Perak (terkini). Manakala Pusat Dialisis terdiri daripada Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang, Pusat Dialisis KWAN Kotaraya, Pusat Dialisis KWAN Batu Pahat, Pusat Dialisis KWAN Senawang dan Pusat Dialisis KWAN Sarawak. WANCorp juga sedang merancang akan membuka sebuah Kinik Wakaf an-Nur di Kelantan (The Star, 8 Mac 2010) (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Setiap pesakit akan dikenakan bayaran sebanyak RM5 setiap kali rawatan termasuk bayaran ubat. Bagi rawatan hemodialisis pula, setiap pesakit akan dikenakan bayaran sebanyak RM90 setiap kali rawatan. Baki kos sebenar akan ditanggung oleh Dana Waqaf An-Nur. Program perkhidmatan kesihatan merupakan program yang dijalankan di bawah pengurusan KPJ Healthcare Berhad. (Laporan Tahunan WANCorp, 2010). (Nor Azeera Mohd Ariffin, 2010: 93) (Aini Azura Paiman et al., 2006).

Selain itu, manfaat kebajikan am juga digunakan untuk membiayai pengurusan di 7 buah masjid, 2 buah sekolah agama dan pembangunan tanah wakaf untuk Rumah Kebajikan Anak Yatim Darul Hanan. Masjid-masjid tersebut adalah Masjid An-Nur Kotaraya, Masjid Jamek Pasir Gudang, Masjid Taman Cendana, Masjid An-Nur Pasir Gudang, Masjid Jamek Ladang Ulu Tiram, Masjid Pulau Sibu dan Masjid An-Nur Larkin Sentral. Manakala sekolah yang terlibat adalah Sekolah Agama Ladang Pasir Panjang dan Sekolah Agama Sungai Papan. WANCorp turut menjalankan aktiviti dan pemantauan di 10 buah masjid, 3 buah surau Jumaat dan 22 buah surau yang dibina di dalam kawasan ladang-ladang di bawah pengurusan Kulim (Malaysia) Berhad. Pada masa ini terdapat lebih 15

ribu orang ahli kariah di bawah rangkaian masjid-masjid yang diuruskan oleh WANCorp dengan jumlah tenaga kerja seramai 17 orang yang terdiri daripada 9 orang Imam dan 8 orang bilal (Laporan Tahunan WANCorp, 2010).

Melalui program modal pendidikan dan keusahawanan pula, WANCorp telah menyalurkan sumbangan dalam bentuk pemberian bantuan pendidikan kepada beberapa institusi pendidikan terpilih seperti Institut Pengajian Islam dan Bahasa Arab Negeri Johor (MARSAH), tabung pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor (SRAB), percetakan al-Quran braille dan sumbangan kepada pelajar dalam dan luar negara. Bagi program keusahawanan pula, WANCorp telah melaksanakan program pinjaman kebajikan (qardul hasan) dikenali sebagai Waqaf Dana Niaga (WDN). Program ini mula dilancarkan pada 5 Mei 2007 adalah modal bagi menjalankan perniagaan terutama bagi usahawan yang terlibat dalam pelbagai bisnes dan Program Usahawan Bistari-Sudut Ayamas (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Program Usahawan Bistari-Sudut Ayamas merupakan projek yang dikendalikan bersama oleh KFC Marketing Sdn. Bhd. (KFCM). Sehingga Disember 2009, program ini telah memberi manfaat kepada 122 peserta dengan pinjaman berjumlah RM247,750.00. Daripada jumlah tersebut seramai 92 orang penerima atau 75% adalah wanita dengan 39 orang daripadanya merupakan peserta kepada Program Usahawan Bistari-Sudut Ayamas dan 31 orang atau 25% adalah penerima lelaki (lihat jadual 3). Satu unit pemantauan yang dinamakan Ikhwan Muamalat telah ditubuhkan bagi mewujudkan hubungan baik dan memberi khidmat nasihat berkaitan bisnes antara peserta dan pengurusan Wakaf Dana Niaga (Laporan Tahunan WANCorp, 2009).

WANCorp turut mengadakan satu projek khas dengan menubuhkan Brigid Waqaf pada 28 Jun 2007 dan dilancarkan secara rasminya pada 9 Ogos 2009 (Laporan Tahunan WANCorp, 2009). Brigid Waqaf merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang memainkan peranan untuk menjalankan misi bantuan kemanusiaan dan menghulurkan bantuan kemanusiaan apabila berlaku bencana alam bagi meringankan beban mangsa, membantu memulihkan kehidupan selepas bencana serta menjalankan usaha bantuan kemanusiaan berdasarkan kepakaran dan kemampuan yang dimiliki oleh Kumpulan JCorp. Selain itu, satu projek khas iaitu teater Imam Bukhari telah diadakan pada tahun 2010 dengan kos perbelanjaan sebanyak 660,022.50 (Laporan Tahunan WANCorp, 2010).

Di samping itu, WANCorp turut menawarkan khidmat Mutawwif bagi mengiringi para jemaah haji dan Umrah melalui syarikat Tiram Travel Sdn.Bhd (TTSB). Perkhidmatan Mutawwif yang disediakan oleh TTSB dilihat menjadi pemangkin kepada peningkatan bilangan jemaah. Melihat kepada perkembangan ini WANCorp telah mengambil langkah proaktif dengan memperkuatkannya lagi perkhidmatan Mutawwif yang ditawarkan dengan menganjurkan kursus Pentaulihan Mutawwif di mana Mutawwif yang telah ditauliahkan berpeluang untuk berkhidmat sebagai Mutawwif Umrah dan Haji syarikat TTSB. Perkhidmatan Mutawwif ini juga adalah terbuka kepada mana-mana syarikat travel yang berminat untuk menggunakan khidmat Mutawwif WANCorp. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga Februari 2010 sebanyak 6 kursus telah dijalankan di mana bilangan peserta yang mengikuti kursus tersebut adalah seramai 162 orang (Laporan Tahunan WANCorp, 2010).

## **9. KESIMPULAN**

Berdasarkan tinjauan ini, tidak dinafikan bahawa wakaf korporat JCorp yang dikendalikan oleh anak syarikat kumpulannya WANCorp telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam di negara ini dalam memenuhi *Corporate Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat. Ini dapat dilihat melalui pelbagai program dan aktiviti kebajikan yang dijalankan oleh WANCorp melalui agihan manfaat kebajikan am di mana sejak pewakafan dilakukan sehingga Disember 2010 lebih RM3.6 juta telah disumbangkan dalam tiga program utama iaitu kebajikan dan amal, pembangunan insan, modal pendidikan dan keusahawanan serta projek khas.

Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penulis terdapat beberapa cadangan dikenalpasti sebagai penambahbaikan dalam pelaksanaan program kebajikan bagi memenuhi *Corporate Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat JCorp iaitu:

**9.1** Mewujudkan satu lembaga syariah yang berperanan sebagai badan yang berperanan bagi mengkaji dan meneliti semua program kebajikan yang dirancang dan dijalankan oleh WANCorp adalah bersesuaian dengan matlamat pewakafan dalam Islam. Ini memandangkan semua program tersebut adalah berasaskan kepada sumber keuntungan dividen daripada unit-unit saham yang diwakafkan, maka sewajarnya segala aktiviti adalah menjurus kepada matlamat amalan tersebut.

**9.2** Memperluaskan lagi skop dan program kebajikan yang bersesuaian sebagai memenuhi *Corporate Social Responsibility* atau tanggungjawab sosial korporat kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di negara ini. Program kebajikan tersebut adalah tidak berorientasikan keuntungan dan bukan dalam bentuk pinjaman kebajikan semata-mata.

**9.3** Memastikan pihak-pihak yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan menerima agihan manfaat kebajikan am selaras dengan matlamat pewakafan di dalam Islam.

**9.4** Memberi pengecualian daipada sebarang bentuk bayaran kepada pesakit luar yang menerima rawatan di semua rangkaian Klinik Waqaf An-Nur dan Hospital Wakaf An-Nur. Segala kos dan bayaran akan ditanggung sepenuhnya oleh WANCorp melalui peruntukan agihan manfaat kebajikan am.

**9.5** Memastikan bahawa agihan manfaat kebajikan am akan digunakan sepenuhnya bagi memenuhi tanggungjawab sosial Islam di mana matlamat semua program kebajikan yang dirancang dan dijalankan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

## RUJUKAN

- Abd. Shakor bin Borham (2003). Konsep Wakaf Menurut Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi, 1.
- Abd. Shakor bin Borham (2011). *Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation (JCorp): Satu Tinjauan*. Pembentangan kertas kerja Persidangan Ilmu Kemanusiaan Antarabangsa 2011, anjuran USM.
- Abu Bakar Manat (2007). Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(1).
- Abu Zuhrah, Muhammad (2005). *Muhadarat fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Dahlan Salleh et al. (2006). *al-Istibdal (penggantian) Harta Wakaf Menurut Perspektif Islam*. Pembentangan kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, anjuran bersama KIPSAS dan UKM.
- Aini Azura Paiman et al. (2006). *Sumbangan Wakaf Terhadap Usaha Pembangunan Masyarakat Setempat: Kajian Kes Sumbangan Klinik Wakaf An-Nur*. Pembentangan kertas kerja Seminar Kebangsaan Islam Hadhari dan Pembangunan Masyarakat, anjuran UTHM.
- al-Asqalani, Ahmad b. Ali b. Hajar (1993). *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*. Damsyik: Maktabah Dar al-Fayha.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail (t.t). *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wasoya*. jld. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarf (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*. jld. 11, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarf (1996). *Minhaj al-Talibin wa Umdatul Maftin fi Fiqh Mazhab Imam al-Syafie*. Cairo: Maktabah al-Turath al-Islami.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarf (2005). *al-Majmu' Syarh al-muhadhab*. Juz. 16, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarf (t.t). *Raudah al-Talibin*. Juz. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Qardhawi, Yusof (1980). *Problema Kemiskinan: Apa Konsep Islam*. Alih bahasa oleh Umar Fanany, Johor Bahru: Pena Mas.
- al-Ramli, Muhammad bin Ahmad (1993). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Juz. 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Sarakhsyi, Syams al-Din (1986). *al-Mabsut*. jld. 12, Beirut: Dar al-Marifah.
- al-Syarbini, Muhammad al-Khatib (1958). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. jld. 12, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- al-Syarbini, Muhammad al-Khatib (t.t). *al-Iqna fi Hallu al-Faz Abi Suja'*. juz. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad (t.t). *Nailu al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. juz. 5, Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah (1996). *al-Wasoya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islamiyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah (1997). *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. juz 8, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, 17(1).
- Baharuddin Sayin (2010). Konsep Waqaf Dalam Islam. Dalam Hasan Bahrom (et al.), *Waqaf: Konsep dan Aplikasi*, Shah Alam: UPENA UiTM.
- Basmeih, Abdullah bin Muhamad (1992). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengantar al-Quran*. cet. ke-5, 30 juzuk, Kuala Lumpur: BAHEIS JPM.
- Berita Harian, "GLC, Swasta Wajar Amal Jihad Perniagaan", 13 Januari 2009.

- Bernama, "JCorp wakaf saham anak syarikatnya RM200 juta", 16 Ogos 2007.
- Che Zuina Ismail (2005). Konsep dan Amalan Wakaf Menurut Islam. Dalam Abdul Halim Ramli, Ahmad Che Yaacob et al., *Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf di Malaysia*, Shah Alam: UPENA UiTM.
- Fakhruddin Hasan b. Mansur (1987). *Fatwa al-Hindiah*. cet. ke-4, Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi.
- [Http://muamalat.islam.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal](http://muamalat.islam.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal).
- [Http://www.businessjihad.com/?page\\_id=6](http://www.businessjihad.com/?page_id=6).
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn. Mukarram (1990). *Lisan al-'Arab*. jld. 9. Beirut: Dar Sadr.
- Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah (1347H). *al-Mughni wa Syarhu al-Kabir*. cet. pertama, juz. 6, Mesir: Dar al-Manar.
- Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah (1972). *al-Mughni*. jld. 6, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Johor Corporation (2007), *Johor Corporation: Waqaf Korporat Untuk Jihad Bisnes*, Johor Bahru: Penerbit Johor Corporation.
- Johor Corporation (2008), *Johor Corporation: Konsep Waqaf Korporat*, Johor Bahru: Penerbit Johor Corporation.
- Kamus Munjil fi al-Lughah wa al-A'lam (1986), Beirut: Dar al-Masyrik.
- Laporan Tahunan Johor Corporation, 2008.
- Laporan Tahunan Johor Corporation, 2009.
- Laporan Tahunan Johor Corporation, 2010.
- Laporan Tahunan WANCorp, 2009.
- Laporan Tahunan WANCorp, 2010.
- Majalah Milenia Muslim, "Wakaf Korporat Pertama di Dunia", September 2006
- Majalah Usahawan Sukses, "Jihad Bisnes Memakmurkan JCorp", bil. 59 Tahun 2009.
- Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006), JAWHAR, JPM, Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn.Bhd.
- Md. Nurdin Ngadimon (2006). *Pengembangan Harta Wakaf Menggunakan Instrumen Sukuk*. Pembentangan kertas kerja Konvensyen Wakaf 2006, di Kuala Lumpur.
- Mohamad Akram Laldin et al. (2006). *Maqasid Syariah Dalam Perlaksanaan Waqaf*. Pembentangan kertas kerja Konvensyen Wakaf 2006, di Kuala Lumpur.
- Mohd. Zain Haji Othman (1982). *Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf*. Kuala Lumpur: BAHEIS JPM.
- Muhammad Farid Wajdi (1971). *Dairah Maarif al-Qarn al-Isyrik*. jld.10, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad Jawwad (1964). *Ahwal al-Syahsiah*. (t.tp): Dar al-Ilmi.
- Mustafa al-Khin et al., (2005). *al-Fiqh al-Manhaji*. jld. 5, terjemahan Pustaka Salam, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Salam.
- Mustafa al-Khin et al., (2009). *al-Fiqh al-Manhaji*, juz. 2. cetakan ke-10, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nik Mustafa Hj. Nik Hassan (1999). Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi. Dalam Nik Mustafa Hj. Nik Hassan et al. *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Nor Azeera Mohd Ariffin (2010). Waqaf Korporat Johor Corporation: Suatu Dimensi Baru. Dalam Hasan Bahrom et al., *Waqaf: Konsep dan Aplikasi*, Shah Alam: UPENA UiTM.
- Osman Sabran (2002). *Pengurusan Harta Wakaf*. Skudai Johor: Penerbit UTM.

- Siti Mashitoh Mahamood (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, 15 (2).
- Siti Mashitoh Mahamood (2001). *Bagaimana Membuat Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Mashitoh Mahamood et al. (2007). Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah Di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2).
- Suwaid b. Tapah (1994). Undang-undang Pentadbiran Wakaf di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Akademi Islam, 2(1).
- Temubual bersama Tn. Hj. Mohd. Nazarudin bin Ali, Eksekutif WANCorp pada 3 Mac 2009, 27 Jun 2010 bertempat di Johor Corporation.
- Teuku Iskandar (2005). *Kamus Dewan*. Edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Star, 8 Mac 2010, “WANCorp to open Waqaf An-Nur clinic in Kota Baru”; 15 July 2008, “RM50mil shares for fund”.
- Utusan Malaysia, 19 Mei 2009, “KWANB kini dikenali Waqaf An-Nur Corporation Bhd”; 26 September 2009, “Wakafkan Syarikat Milik Kerajaan”; 11 Mac 2011, “Jihad Bisnes Waqaf Korporat”.

**JADUAL 1****PRESTASI SYARIKAT YANG TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA**

<b>SYARIKAT</b>	<b>UNIT SAHAM DIWAKAFKAN (Juta Unit)</b>	<b>NILAI ASET BERSIH SEMASA MULA DIWAKAFKAN (3 Ogos 2006) (RM Juta)</b>	<b>NILAI PASARAN SEMASA MULA DIWAKAFKAN (3 Ogos 2006) (RM Juta)</b>	<b>NILAI PASARAN PADA 31 Dis 2007 (RM Juta)</b>	<b>NILAI PASARAN PADA 31 Dis 2008 (RM Juta)</b>	<b>NILAI PASARAN PADA 31 Dis 2009 (RM Juta)</b>	<b>NILAI PASARAN PADA 31 Dis 2010 (RM Juta)</b>
Kulim (Malaysia) Berhad	12.35	142.00	51.61	98.16	56.56	93.23	157.31
KPJ Healthcare Berhad	18.60	45.00	34.03	64.34	47.42	121.05	69.17
Johor Land Berhad	4.32	13.00	4.41	5.53	3.04	-	-
Al-'Aqar KPJ REIT	12.62	13.00	-	-	-	12.34	14.14
<b>Jumlah</b>		<b>200.00</b>	<b>90.05</b>	<b>168.03</b>	<b>107.02</b>	<b>226.62</b>	<b>240.62</b>

SUMBER: LAPORAN TAHUNAN WANCORP, 2010.

**JADUAL 2****PRESTASI SYARIKAT YANG TIDAK TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA****JUMLAH AGIHAN MANFAAT KEBAJIKAN AM SEHINGGA 2010**

<b>TERIMAAN</b>	<b>RM</b>
Tahun 2006	747,121.50
Tahun 2007	295,712.55
Tahun 2008	759,197.03
Tahun 2009	984,138.66
Tahun 2010	887,049.96
<b>Jumlah Terkumpul Terimaan</b>	<b>3,673,219.70</b>

SUMBER: LAPORAN TAHUNAN WANCORP 2009, THE STAR 8 MAC 2010,  
LAPORAN TAHUNAN WANCORP 2010.

**JADUAL 3****JENIS BISNES DAN PENERIMA WAKAF DANA NIAGA SEHINGGA 2009**

<b>BIL</b>	<b>JENIS BISNES PENERIMA</b>	<b>BILANGAN BANTUAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Makanan & minuman	44	104,110
2	Kedai Jahit/ Menjahit/ pakaian	6	18,000
3	Kedai runcit	3	9,000
4	Kafeteria/ kantin	4	19,000
5	Kontraktor Binaan	2	3,000
6	Baja kompos	1	2,900
7	Percetakan dan pengiklanan	2	5,000
8	Perabot hiasan dalaman	1	3,000
9	Pengangkutan sekolah	1	3,000
10	Kerja kimpalan (gril)	3	9,000
11	Membuat seramik/ tembikar	1	3,000
12	Menjual buku agama	3	9,000
13	Salun kecantikan/ Andaman	4	10,400
14	Membekal Alatulis	1	3,000
15	Aksesori wanita	1	3,000
16	Kedai gunting rambut	1	3,000
17	Kedai herba tradisional	1	3,000
18	Bengkel motorsikal	1	3,000
19	Pusat jagaan kanak-kanak	2	6,000
20	Menyewakan peralatan muzik	1	3,000
21	Sudut Ayamas	39	25,350
	<b>JUMLAH</b>	<b>122</b>	<b>247,750</b>

SUMBER: LAPORAN TAHUNAN WANCORP, 2009.

SYARIKAT	UNIT SAHAM DIWAKAFKAN (Juta Unit)	NILAI ASET BERSIH SEMASA MULA DIWAKAFKAN (RM Juta)	NILAI ASET BERSIH PADA 31 DIS 2007 (RM Juta)	NILAI ASET BERSIH PADA 31 DIS 2008 (RM Juta)	NILAI ASET BERSIH PADA 31 DIS 2009 (RM Juta)	NILAI ASET BERSIH PADA 31 DIS 2010 (RM Juta)
Tiram Travel Sdn Bhd	0.23	0.26	1.03	0.75	1.26	1.77
Capaian Aspirasi Sdn Bhd	0.08	0.01	0.03	0.07	0.16	0.33
TPM Management Sdn Bhd	50.33	50.00	50.00	52.34	54.85	57.87
<b>Jumlah</b>		<b>50.27</b>	<b>51.06</b>	<b>53.16</b>	<b>56.27</b>	<b>59.97</b>